

## WOMEN'S RIGHTS IN LONG DISTANCE MARRIAGE ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF FIQH AND ISLAMIC FAMILY LAW

### HAK-HAK WANITA DALAM PERKAHWINAN JARAK JAUH MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Hidayatul Sakinah Mohd Zulkifli<sup>1</sup>, Rafeah Saidon<sup>2</sup> & Azhar Abd Aziz<sup>3</sup>

<sup>1</sup> (*Corresponding author*). Pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam. [hidayatul.sakinah88@gmail.com](mailto:hidayatul.sakinah88@gmail.com)

<sup>2</sup> Profesor Madya, Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam. [rafeahs@uitm.edu.my](mailto:rafeahs@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Dengkil. [azhar952@salam.uitm.edu.my](mailto:azhar952@salam.uitm.edu.my)

<p><b>Vol. 12. No. 1 December Issue 2021</b></p>	<p><b>Abstract</b>  <i>Recently long-distance marriages are increasingly dominating the conventional family model. Long -distance marriage (PJJ) means a pattern of marital relationship between husband and wife that is separated by a long distance and the couple cannot meet each other within a certain period of time for various reasons such as career demands and study commitments. Among the problems that arise from this PJJ relationship is women are burdened because they bear a great responsibility that exceeds the limits of a woman's ability. Thus the main objective of this article is to describe the rights of women undergoing PJJ according to the perspective of fiqh and to examine this issue from the perspective of Islamic family law with reference to the relevant Act/Enactment. This study is a qualitative in nature that uses the library method and the data obtained are analyzed by content analysis as well as inductive and deductive. The results of the study show that there are rights that need to be taken care of throughout the PJJ in order to maintain harmony and sustainability of the marriage. Apart from that, there are legal provisions related to PJJ in the Islamic Family Law in Malaysia to control the practice of PJJ, especially among the Muslim community. The study suggests several actions that need to be taken with regard to the neglect of rights in undergoing PJJ.</i></p> <p>Keywords: <i>Distance, Marriage, Rights, Women, Family.</i></p>
	<p><b>Abstrak</b>  <i>Kebelakangan ini kita dapat menyaksikan peningkatan struktur keluarga dalam perkahwinan jarak jauh yang semakin mendominasi model kekeluargaan konvensional. Perkahwinan jarak jauh (PJJ) bermaksud satu corak hubungan perkahwinan antara suami dan isteri yang dipisahkan dengan jarak yang jauh sehingga pasangan suami isteri tidak dapat berjumpa dalam jangka waktu tertentu dengan pelbagai alasan seperti tuntutan kerjaya dan komitmen pengajian. Antara masalah yang timbul rentetan dari hubungan PJJ ini, natijahnya kaum wanita dilihat terbeban</i></p>

<p><i>kerana menanggung tanggungjawab yang besar sehingga melangkaui batas kemampuan seorang wanita. Justeru objektif utama artikel ini adalah untuk menghuraikan hak-hak wanita yang menjalani PJJ menurut perspektif fiqh dan melihat isu ini dari perspektif undang-undang keluarga Islam dengan merujuk kepada Akta/Enakmen yang berkaitan. Kajian ini adalah kajian yang berbentuk kualitatif yang menggunakan metod kepustakaan dan data yang diperolehi dianalisis secara analisis kandungan serta induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati terdapat hak-hak yang perlu dijaga sepanjang menjalani PJJ demi mengekalkan keharmonian dan kelestarian rumahtangga. Selain itu terdapat peruntukan undang-undang berkaitan PJJ yang terdapat dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia untuk mengawal amalan PJJ khususnya dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kajian mencadangkan beberapa tindakan yang perlu diambil jika berlaku pengabaian hak dalam menjalani PJJ.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Jarak, Perkahwinan, Hak, Wanita, Keluarga.</i></p>
--

## PENDAHULUAN

Di Malaysia, perkahwinan jarak jauh (PJJ) yang melibatkan seramai lebih 500,000 pasangan yang telah berkahwin, didapati berisiko terdedah kepada tekanan psikologikal atau gangguan emosi dan perasaan yang mampu mempengaruhi kefungsi hidup seseorang (Berita Harian, 29 Jun 2019) kerana faktor bebanan yang ditanggung seorang diri dalam menguruskan keluarga terutamanya kaum wanita (McKeown, Pratschke & Haase, 2003).


Kajian yang dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) membuktikan antara faktor yang mempengaruhi pasangan suami isteri untuk menjalani PJJ adalah kerana untuk mendapatkan sumber kewangan yang stabil dalam usaha untuk menyara keluarga (Ortega, Haslinda & Samsilah, 2014). Selain itu, faktor tuntutan pekerjaan dan pendidikan juga turut memberi sumbangan yang besar dalam pembentukan pasangan PJJ (Rahmadhini & Hendriani, 2015).

Terdapat beberapa ciri yang membezakan antara pasangan perkahwinan jarak jauh dengan pasangan dalam perkahwinan umum. Antaranya ialah apabila pasangan bersedia untuk tinggal di lokasi geografi yang berbeza sekurang-kurangnya tiga malam setiap minggu bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan (Orton & Crossman, 1983), manakala ciri-ciri perkahwinan jarak jauh menurut Gerstel & Gross (1982):

1. Tempoh masa pasangan hidup di rumah yang berbeza adalah dari tiga bulan hingga 14 tahun.
2. Jarak yang memisahkan pasangan adalah antara 40-2700 batu.
3. Sebahagian besar pasangan menghabiskan masa mereka di rumah yang berbeza (satu pasangan di rumah utama dan pasangannya di rumah lain di tempat lain).
4. Pasangan biasanya membuat pertemuan dalam jangka masa yang berubah-ubah. Sebahagian daripada mereka bertemu pada hujung minggu tanpa membincangkan perancangan pertemuan seterusnya.

Berdasarkan dapatan kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) mengenai pengamalan PJJ di Malaysia, statistik menunjukkan jumlah tertinggi di Sarawak iaitu sebanyak (14.4) peratus kaum isteri yang tinggal berjauhan dengan pasangan masing-masing. Sementara, sebanyak (9) peratus di Sabah dan Labuan, diikuti sebanyak (8.5) peratus di Pahang.

Selain itu, responden turut dianalisis dari segi kekerapan berjumpa pasangan dalam tempoh PJJ. Rajah di bawah menunjukkan pecahan peratus yang dijalankan keatas 7,644 responden wanita seluruh negeri di Malaysia.



Rajah 1 : Peratus kekerapan berjumpa dalam tempoh PJJ

Berdasarkan rajah di atas, seramai 32.6 peratus (2492 daripada 7,644 responden) akan berjumpa dengan pasangan masing-masing dengan kekerapan sebanyak seminggu sekali, manakala 24.8 peratus (1896 daripada 7,644 responden) berjumpa pasangan beberapa kali sahaja dalam sebulan, seterusnya seramai 16.1 peratus (1230 daripada 7,644 responden) yang berjumpa dengan pasangan masing-masing sekali dalam sebulan, sementara itu seramai 13.1 peratus (1001 daripada 7,644 responden) hanya berjumpa pasangan sekali sahaja dalam beberapa bulan. Manakala seramai 10.8 peratus (826 daripada 7,644 responden) yang tidak memberi jawapan kepada persoalan berkaitan kekerapan berjumpa dan akhir sekali seramai 2.6 peratus (199 daripada 7,644 responden) yang bertemu pasangan masing-masing hanya sekali sahaja dalam tempoh setahun.

Justeru, rentetan dari peningkatan pembentukan hubungan jarak jauh dalam kalangan suami isteri, didapati ia berisiko dalam mengganggu gugat kesejahteraan sesebuah keluarga seperti timbul ketidaksefahaman antara pasangan, wujud orang ketiga yang menyebabkan kecurangan, campur tangan keluarga mertua dalam urusan rumahtangga serta pengabaian tanggungjawab dari suami (LPPKN, 2014).

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan hak-hak yang sepatutnya diterima oleh isteri sepanjang tempoh menjalani perkahwinan jarak jauh. Hal ini supaya pihak isteri tidak ditindas dan suami pula tidak sewenang-wenangnya menyerahkan segala tanggungjawab keluarga keatas isteri untuk digalas. Semoga dengan inisiatif ini, kebahagiaan dan keharmonian keluarga dapat dicapai oleh pasangan suami isteri yang menjalani PJJ.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian kepustakaan. Sumber rujukan yang menjadi panduan dalam menjayakan artikel ini adalah seperti buku, jurnal, artikel, kertas kerja, laman sesawang dan lain-lain. Data yang diperolehi dianalisis secara analisis kandungan. Kajian ini menganalisa peruntukan undang-undang berkaitan PJJ yang terdapat dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 .

### **PERKAHWINAN JARAK JAUH MENURUT PERSPEKTIF FIQH**

Ketika zaman pemerintahan khalifah 'Umar al-Khattab RA berlaku satu peristiwa yang mengisahkan perihal seorang suami yang telah meninggalkan isterinya dalam tempoh masa yang lama kerana menyempurnakan seruan jihad di medan perang. Setelah sekian lama peninggalannya itu, isterinya mula merasa sengsara kerana menanggung rindu mengharapakan kepulangan suami kepangkuannya.

Rintihan si isteri sampai ke pengetahuan Khalifah 'Umar al-Khattab RA. Setelah penelitian dibuat, baginda mengeluarkan arahan agar suaminya kembali pulang dan sejak

peristiwa itu, Khalifah 'Umar al-Khattab RA berijtihad menentukan tempoh waktu bagi seluruh perajurit muslim di medan perang untuk menjalankan tugas adalah tidak lebih dari enam bulan (al-Halawi, 1999).

Justeru kisah diatas memberi gambaran kepada kita tentang keperitan yang dialami oleh seorang isteri dalam menjalani perkahwinan jarak jauh kerana sesungguhnya ketenangan seorang isteri adalah ketika berada disisi suaminya dan begitu juga sebaliknya seperti firman Allah SWT di dalam al-Quran:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Maksudnya, "Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir." (al-Quran. Al-Rum : 21)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menerangkan objektif sebuah perkahwinan adalah agar pasangan suami isteri merasa ketenangan antara satu sama lain dan dari ketenangan yang dirasakan itulah maka lahirnya rasa kasih dan sayang terhadap pasangan (Al-Zuhayliyy, 1998).

Antara faktor yang menyumbang kepada pembentukan perkahwinan jarak jauh ialah faktor ekonomi (Holmes, 2004) dan faktor kerjaya (Supian Taharim, Zaidi Korib & Rosli Suyot, 2020).

Justeru pasangan suami isteri yang mengamalkan PJJ perlu mengambil perhatian kepada tempoh masa yang dibenarkan untuk PJJ menurut perspektif fiqh iaitu selama 6 bulan berdasarkan ijtihad yang dikeluarkan oleh Khalifah 'Umar al-Khattab (Al-Halawiyy, 1999). Manakala menurut Syeikh Dr. Su'ad Soleh (2007) yang merupakan professor bidang fiqh di Universiti Al-Azhar, Mesir mengatakan, jika pasangan suami isteri terpaksa menjalani perkahwinan jarak jauh, maka ia diharuskan dan had maksimum yang dibenarkan untuk suami tinggal berjauhan dari isterinya adalah selama empat bulan. Selain itu, dalam lafaz taklik yang dibacakan dalam upacara akad nikah bagi setiap negeri di Malaysia turut menetapkan tempoh 4 bulan. Lafaznya adalah seperti berikut:

"Saya mengaku apabila saya tinggalkan isteri saya (nama isteri) selama 4 bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan, dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh yang tersebut pada hal ia taatkan saya atau saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, kemudian ia mengadu kepada Mahkamah Syariah, dan apabila sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah, dan ia memberi kepada Mahkamah Syariah, yang menerima bagi pihak saya satu ringgit maka pada ketika itu tertalak ia dengan cara "Talak Khuluk" (Sijil Nikah Negeri Selangor).

## **HAK-HAK WANITA DALAM PERKAHWINAN JARAK JAUH MENURUT PERSPEKTIF FIQH**

Islam telah mensyariatkan hak-hak keatas setiap pasangan suami dan isteri yang perlu ditunaikan antara satu sama lain. Setiap suami dan isteri perlu menyedari bahawa pasangannya mempunyai hak-hak yang tersendiri untuk dilaksanakan. Suami perlu memenuhi hak isterinya secara sempurna, dan isteri juga harus memenuhi hak suaminya jika dia menerima haknya sepenuhnya.

Justeru, untuk mewujudkan PJJ yang harmoni, perlaksanaan hak-hak ini perlulah berjalan dengan baik dan konsisten. Hak isteri terbahagi kepada dua bahagian iaitu hak berbentuk harta dan hak bukan berbentuk harta ('Umar 'Abdullah, 1965).

### **Hak Berbentuk Harta**

Hak berbentuk harta mempunyai dua kategori iaitu harta yang tidak perlu diperbaharui dan harta yang perlu diperbaharui. Hak harta yang tidak perlu diperbaharui adalah hak yang ditentukan untuk maharnya, yang ditetapkan ketika akad nikah sesuai dengan apa yang

telah disepakati antara mereka. Para ulama bersepakat mengatakan mahar adalah hak isteri yang perlu dilaksanakan oleh suami (Karim Zaydan, 1993). Firman Allah SWT:

﴿وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ مِثْلًا بِمَا كَانُوا فِي الْيَسَارَةِ أُولَئِكَ كَانَ وَجْدُ رَبِّكَ خَيْرًا مَّا يُؤْتُونَكَ مِنْ بَنَاتٍ تَوَدَّدْنَ أَنْ يَسْكُنُوا فِي بُحَيْرٍ لَكُمْ كَذَلِكَ يَكْفُرُونَ﴾

Maksudnya, "Dan berikanlah maskawin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebagian dari mas kawin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambillah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya" (al-Quran. Al-Nisa': 4).

Hak harta yang perlu diperbaharui adalah seperti berikut (Muhammad Mahmud Shaf'iy, 1998):

1. Memperuntukkan wang untuk dibelanjakan. Kewajipan ini tetap berlaku walaupun isteri itu kaya (Al-Shafi'iy, 1970). Wang perbelanjaan yang dimaksudkan adalah sehingga membolehkan si isteri dapat menjalani kehidupan yang berkualiti seperti alatan kebersihan peribadi, alatan kosmetik, alatan dan keperluan rumah, pembantu rumah dan perbelanjaan rawatan perubatan isteri (Ibn 'Abidin, 1966).
2. Memberinya makan dan minum dengan cara yang munasabah. Menurut Imam Shafi'iy kadar perbelanjaan makanan adalah bergantung kepada tahap kemampuan suami, bermaksud jika suami itu orang kaya, maka perbelanjaan makanan isteri yang diwajibkan ialah dua cupak. Manakala jika tahap kemampuan suami di paras yang sederhana, maka perbelanjaan makanan untuk isterinya ialah satu cupak setengah dan perbelanjaan makanan setiap hari bagi suami yang miskin ialah satu cupak (Wahbah Zuhayliyy, 1985).
3. Menempatkannya di rumah yang mengandungi peralatan dan perkakas yang diperlukan dalam kehidupan seharian. Menurut Al-Zuhayliyy (1989), ulama fiqh bersepakat dalam menentukan kriteria-kriteria *maskan syarie* (tempat tinggal). Antara kriteria tersebut adalah sebaiknya *maskan syarie* mempunyai kemudahan dan kelengkapan asas yang menjadi keperluan (ضرورية) menurut kebiasaan sebuah rumah di mana terdapat di dalamnya bilik air, dapur dan perabot. Kemudahan yang ada dalam rumah tersebut sebaiknya khas untuk kegunaan rumah itu sahaja. Hal ini dikecualikan keatas suami yang fakir.
4. Mendapatkan pakaian yang sesuai untuknya yang akan menutupi auratnya dan mencukupi untuknya sama ada di musim sejuk atau musim panas sepertimana menurut Ibn Rushd (1990), suami bertanggungjawab menyediakan nafkah makanan dan pakaian kepada isteri.
5. Menyediakan pembantu rumah jika isteri berhajat kepadanya dan suami berkemampuan untuk memenuhi permintaan tersebut. Walaupun tugas mengurus kerja-kerja rumah pada asalnya menjadi tanggungjawab isteri, (Al-Juzayriyy, 1989) namun suami wajib mendapatkan khidmat pembantu rumah jika isteri berhajat kepadanya kerana isteri mempunyai hak keatas itu untuk membantunya menguruskan rumahtangga dengan baik (Abdul Rahman, 1993).

### Hak Bukan Berbentuk Harta

Hak bukan harta bermaksud menjaga perasaan dan memenuhi hak moral isteri. Ia merupakan satu perkara yang harus dilaksanakan oleh suami terutamanya pasangan yang menjalani PJJ. Perlaksanaan hak ini adalah seperti berikut:

1. Memberinya kehidupan yang baik seperti menghormatinya, berkomunikasi dengan baik, memperlakukannya dengan baik (Muhammad Ma'juz, 1986) dan sabar dalam melayaninya kerana hal ini membawa kepada keharmonian antara hati (Sayyid Sabaq, 2008). Firman Allah Taala:

﴿وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَجَعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا﴾

Maksudnya, "Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang

baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)" (al-Quran. Al-Nisa: 19).

Berdasarkan ayat diatas, Allah SWT memerintahkan orang mukmin agar melayani wanita terutama isteri-isteri dengan *ma'ruf*, iaitu kebaikan yang mengikut syariat dan terpakai kepada adat kebiasaan masyarakat setempat. Sebagaimana contoh teladan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan rumah tangganya iaitu hubungan yang sangat baik dengan keluarganya (Ibn Kathir, 1985).

Dalam kontek perkahwinan jarak jauh, pasangan suami isteri digalakkan untuk menggunakan segala kemudahan teknologi yang ada dengan sebaiknya supaya keharmonian komunikasi dapat dikekalkan.

2. Memenuhi nafkah batin terhadap isteri melalui hubungan kelamin. Hal ini dapat menjaga kesucian isteri dan untuk meraikan haknya dalam perkahwinan serta melindunginya dari fitnah (Al-Sharbiniyy, t.t.). Firman Allah Taala:

﴿فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ﴾

Maksudnya, "Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu" (al-Quran. Al-Baqarah: 222).

Menurut Wahbah Zuhayliyy (1997) antara hajat dan naluri semula jadi yang Allah jadikan dalam diri pasangan suami isteri ialah memenuhi haknya untuk bersetubuh antara satu sama lain kerana ia adalah fitrah manusia.

Khususnya dalam situasi pasangan yang mengamalkan PJJ, sebaiknya perlu merancang masa yang tidak terlalu lama dalam berjauhan kerana perbuatan tersebut akan memberi kesan kepada kesihatan mental. Ini bermakna, kesihatan mental seseorang banyak bergantung kepada kelestarian seksualnya (Johnson, 1998).

3. Meraikan permintaannya dan membantu menunaikan urusannya sehingga tidak membuatnya memerlukan orang lain, dan melakukan apa sahaja untuk memastikan keselamatan, kestabilan dan kehidupan yang baik untuknya, sehingga dia dapat menjalani hidup dengan aman, damai dan tenang (Ahmad Rayyan, 2010). Firman Allah Taala:

﴿الرِّجَالُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ﴾

Maksudnya, "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita, oleh itu Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari hartanya" (al-Quran. Al-Nisa: 34).

Ibn Kathir mentafsir perkataan 'qawwam' dalam ayat ini dengan pemimpin, penguasa, pemerintah, dan pendidik yang sentiasa mengurus dan membimbing ahlinya (Ibn Kathir, 2000). Al-Raziyy juga menambah bahawa kepimpinan suami terhadap isterinya termasuk kuasa untuk mengawal selia, panduan serta jaminan perlindungan dan keselamatan (Al-Raziyy, t.t.). Sabda Nabi SAW:

{ مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ أَهْلِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ دِينِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ دَمِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ }

Maksudnya, "Siapa yang terbunuh kerana melindungi hartanya, dia adalah seorang syahid. Sesiapa yang terbunuh kerana melindungi keluarganya, dia adalah seorang syahid. Sesiapa yang dibunuh kerana melindungi agamanya, dia adalah seorang syahid. Siapa yang terbunuh

kerana melindungi dirinya, dia adalah seorang syahid" (Hadis. Al-Nasa'iy. Kitab Al-Qisas. No. 4095)

### **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM BERKAITAN HAK-HAK WANITA DALAM PERKAHWINAN JARAK JAUH**

Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia begitu komited dalam memastikan hak seseorang wanita Muslim dipelihara sepertimana yang telah termaktub dengan jelas dalam akta dan enakmen yang berkaitan dengan hak-hak wanita sama ada dalam perkahwinan ataupun selepas berlaku perceraian.

Objektif pemeliharaan terhadap hak-hak wanita dalam perkahwinan adalah untuk memastikan golongan minoriti ini tidak ditindas sewenang-wenangnya dan supaya mereka mendapat kesedaran terhadap hak yang sepatutnya diterima sebagai seorang isteri berpandukan rujukan hukum syarak lebih-lebih lagi kepada pasangan yang mengamalkan PJJ.

Antara peruntukan undang-undang keluarga islam berkaitan hak-hak wanita dalam perkahwinan jarak jauh ialah:

#### **Hak Memperolehi Nafkah**

Selepas termetrainya akad nikah, suami bertanggungjawab untuk menunaikan nafkah isteri seperti yang telah ditetapkan dalam Islam. Sabda Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Abu Dawud:

{ عن معاوية القشيري وقال : أتيت رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قال : فُئِلْتُ : ما تقول في نساءنا؟ قال :  
أطعموهن مما تأكلون، واكسوهن مما تكتسبن، ولا تضربوهن ولا تُقبحوهن }

Terjemahan, "Daripada Mu'awiyah Al-Qushayriyy berkata: Aku datang kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: Apa yang Tuan kata mengenai isteri-isteri kami? Baginda menjawab: berilah mereka makan daripada apa yang kamu makan. Berilah mereka pakai daripada apa yang kamu pakai. Jangan pukul mereka dan jangan hina mereka" (Hadis. Abu Dawud. Kitab Al-Nikah. No. 2144)

Nafkah membawa maksud menyediakan perbelanjaan keperluan harian isteri dan anak-anak seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal (Mustafa Al-Khin, 1992) mengikut kemampuan suami (Al-Nawawiyy, 2005). Merujuk kepada Seksyen 59 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, jika suami mengabaikan pemberian nafkah sedangkan isteri taat kepada nya, isteri berhak menuntut pembayaran nafkah daripada suami dengan perintah Mahkamah Syariah.

Namun begitu, jika isteri berlaku nusyuz, seperti isteri yang menjauhkan diri daripada suami, isteri yang meninggalkan rumah suami tanpa sebab yang dibenarkan syarak dan isteri yang enggan mengikut suami untuk tinggal di suatu rumah atau tempat tanpa apa-apa alasan yang munasabah mengikut hukum syarak, adalah tidak berhak menuntut nafkah.<sup>1</sup>

Justeru sepanjang tempoh berjauhan dengan isteri, suami perlu memastikan tanggungjawab nafkah keatas isteri seperti makan minum, pakaian yang mencukupi, tempat tinggal yang selamat dan ubat-ubatan dapat dipenuhi dengan baik mengikut kadar kemampuan suami.

#### **Hak Dilayan Secara Baik**

Suami hendaklah melayani isterinya dengan perilaku yang baik seperti yang disarankan dalam Islam (Muhammad 'Uqlah, 1983) kerana ia merupakan hikmah Allah SWT mensyariatkan perkahwinan. Antara bentuk layanan yang baik ialah menjaga perasaan isteri, berkomunikasi dengan mematuhi adab dan sopan, serta memanggil isteri dengan

<sup>1</sup> Seksyen 59 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

panggilan yang disukai (Muhammad Ma'juz, 1986). Perkara ini jelas dinyatakan dalam hadis Nabi SAW dari Abu Hurairah R.A. Sabda Rasulullah SAW:

{ اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ، وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلَعِ أَعْلَاهُ، فَإِنْ ذَهَبَتْ نُفَيْمُهُ كَسَّرَتْهُ، وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا }

Terjemahan, "Pergaulilah kaum wanita itu dengan pergaulan yang lemah lembut, kerana sesungguhnya kaum wanita itu dijadikan dari tulang rusuk dan sesungguhnya tulang rusuk itulah yang sebangkok-bengkaknya ialah yang paling atas. Maka apabila engkau hendak meluruskannya, luruskannlah dengan perlahan dan apabila tidak diluruskan, ia sentiasa bengkok selama-lamanya. Oleh sebab itu pergaulilah wanita dengan pergaulan yang lemah lembut" (Hadis. Al-Bukhariyy. Kitab Al-Nikah. No. 3331 & Muslim. Kitab Al-Nikah. No. 1468).

Merujuk kepada Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 Seksyen 128 menyatakan bahawa suami hendaklah berlaku adil kepada isteri. Jika suami gagal memberi keadilan sewajarnya kepada isterinya mengikut hukum syarak, ia merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang dan ia boleh dikenakan denda satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

### Hak Mendapatkan Penyelenggaraan

Suami diwajibkan untuk menyediakan kelengkapan penyelenggaraan yang diperlukan oleh isteri, seperti makan minum, pakaian dan tempat tinggal (Al-Juzayriyy, 1989). Walaupun isteri bekerja dan mempunyai hartanya sendiri, kewajipan ini tetap menjadi tanggungjawab suami (Mahmud Matlub, 1995). Akan tetapi, suami hanya perlu berbelanja mengikut tahap kemampuan dirinya sahaja. Dalam masa yang sama, isteri dilarang menuntut sesuatu yang diluar batas kemampuan suaminya. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Akta (303) undang-undang keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di bawah (Seksyen 59); Kuasa Mahkamah memerintahkan nafkah bagi isteri, dan kesan nusyuz. Firman Allah SWT dalam al-Quran menyebut:

﴿لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ وَمَن قَدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا﴾

Terjemahan, "Hendaklah orang yang mempunyai keluasan memberi nafkah menurut kemampuannya, dan orang yang terbatas rezekinya, hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak membebani kepada seseorang melainkan (sesuai) dengan apa yang diberikan Allah kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan setelah kesempitan" (al-Quran. Al-Talaq: 7).

### Hak Tanggungan Perbelanjaan Anak-Anak

Menurut Islam, pertalian darah antara seorang bapa dengan anaknya menyebabkan berlakunya kewajipan keatas si bapa untuk menafkahi anak itu sejak ia dilahirkan sehinggalah mencapai umur dewasa (Al-Nawawiyy, 2012). Firman Allah SWT:

﴿وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنْفِقَ وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنْفِقَ لَعَلَّ الْمَوْلُودَ لَهُ مِنْ رِزْقِهنَّ وَكِسْفُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾

Terjemahan, "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya" (al-Quran. Al-Baqarah: 233).

Peruntukan undang-undang berkenaan nafkah ada dinyatakan mengikut Seksyen 73, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu: Seksyen 73(1) "Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan

selainnya, maka menjadi kewajiban seseorang lelaki untuk menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada di dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pendidikan sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.”

#### **TINDAKAN JIKA BERLAKU PENGABAIAAN HAK**

Menurut pakar agama dan pendakwah terkenal, Datuk Hassan Mahmud Al-Hafiz hukum perpisahan atas faktor yang munasabah seperti faktor tugas dan mencari nafkah, adalah diharuskan selagimana segala tanggungjawabnya keatas isteri dan hak-hak isteri dapat dilunaskan dengan sebaiknya sepanjang tempoh perpisahan berlaku.

Majoriti ulama berpendapat bahawa suami yang tidak menunaikan tanggungjawabnya sebagai suami sepertimana yang telah ditetapkan oleh Islam seperti tidak memberikan nafkah kepada isterinya dalam kadar yang sepatutnya (Quraish Shihab, 2012), atau suami yang tidak mahu menyetubuhi isterinya (Al-Shanqitiyy, t.t.), maka ia boleh dikategorikan sebagai suami yang nusyuz dan dia boleh dikenakan tindakan undang-undang. Nusyuz bermakna keadaan di mana suami atau isteri enggan menunaikan kewajibannya sebagaimana yang dituntut oleh syarak (Al-Baidawiyy, 1984).

Justeru, dalam konteks perkahwinan jarak jauh, isteri perlu peka jika berlaku sebarang pengabaian hak ke atasnya dan segera bertindak dengan merujuk kepada pihak yang berautoriti. Antara tindakan yang dicadangkan adalah:

1. Isteri perlu berterus terang dan menasihati suaminya.
2. Jika suaminya masih tidak berubah walaupun telah dinasihati, maka isteri hendaklah melaporkan hal ini kepada qadi atau kaunselor yang berdaftar.
3. Apabila perkelahian antara suami isteri berterusan sehingga menjejaskan kerukunan dan keharmonian rumahtangga, maka isteri boleh menfailkan permohonan cerai di Mahkamah Syariah. Kemudian pihak mahkamah akan menghantar permohonan cerai kepada Jawatan Kuasa Pendamai di Pejabat Agama untuk sabitan “Shiqaq”.
4. Kemudian laporan syiqaq akan di hantar ke Mahkamah Syariah dan pihak mahkamah akan teruskan dengan Majlis Tahkim. Terdapat satu proses perdamaian yang dianjurkan oleh Islam yang dikenali sebagai Majlis Tahkim. Islam menggalakkan supaya melantik seorang hakam mewakili pihak suami dan seorang hakam mewakili pihak isteri.
5. Jika perdamaian tidak dapat dicapai walaupun selepas lantikan hakam dibuat, maka perceraian boleh disabitkan.

Walaubagaimanapun, menurut Sayyid Sabiq (2008) walaupun suami telah memberikan nafkah kepada isteri, namun jika isteri yang ditinggalkan masih merasa berat dan tidak reda dalam menanggung perpisahan yang lama, maka dia berhak untuk mengajukan cerai di mahkamah dengan syarat:

1. Pemergian suami meninggalkan isterinya tanpa uzur yang boleh diterima.
2. Kewujudan mudarat yang membebankan isteri kerana pemergian suaminya.
3. Suami meninggalkan tempat dimana isterinya berada
4. Sudah setahu pemergiannya dan sepanjang tempoh itu menyebabkan isterinya menderita.

Justeru berdasarkan alasan yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan keharusan syarak dalam pembubaran perkahwinan atau fasakh kerana ianya mengandungi hikmahnya yang tersendiri. Ia menjadi jalan keluar kepada pasangan yang berhadapan dengan masalah dalam melayari bahtera perkahwinan. Jalan keluar ini bertujuan untuk mengeluarkan manusia daripada sesuatu perkara yang mendatangkan kemudaratan kepada dirinya. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa para suami dilarang meninggalkan isteri

dalam tempoh yang tertentu dan membiarkan isteri berada dalam kemudaratan dengan tidak menunaikan segala hak-haknya.

## PENUTUP

Kesimpulannya, kita dapat menyaksikan sesungguhnya agama Islam dengan jelas sangat menjaga kebajikan dan mengangkat martabat wanita sebagai seorang isteri di kedudukan yang istimewa dalam perkahwinan. Tidak kurang juga dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam yang sememangnya meletakkan hak-hak kaum wanita dengan adil dan saksama.

Diharapkan dengan adanya kesedaran terhadap hak-hak wanita dalam perkahwinan jarak jauh, ia dapat mengawal amalan PJJ yang semakin mendominasi struktur kekeluargaan Islam di Malaysia. Selain itu, jika berlaku sebarang pengabaian hak sepanjang pengamalan PJJ, maka tindakan yang sewajarnya dapat diambil dengan segera dan terancang.

## RUJUKAN

- 'Abd Al-Karim Zaydan. 1993. *Al-Mufasssal Fi Ahkam Al-Mar'ah Wa Al-Bayt Al-Muslim Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah*. Bayrut: Mu'assasah Al-Risalah.
- 'Abd Al-Rahman Al-Juzayriyy. 1989. *Kitab Fiqh 'Ala Al-Madhahib Arba'ah: Juz Arba'ah Qism Al-Ahwal Shaksiyyah*. Bayrut: Dar Al-Fikr.
- Abu Dawud Sulayman bin Al-Ash'ath. 1952. *Sunan Abi Dawud*. Misr: Sharikah Mustafa Al-Bab Al-Halabiyy, h. 494-495. Jil. 1.
- Ahmad 'Aliyy Tahaa Rayyan. 2010. *Fiqh Usrah Tafsir Al-Lubab*. t.tp: t.pt. Jil. 5.
- Ibn 'Abidin. 1966. *Hashiyah Radd Al-Muhtar 'Ala Durr Al-Mukhtar Sharh Tanwir Al-Mukhtar Al-Absar*. Bayrut: Dar Al-Fikr, Juz 3, Cet. 2.
- Ibn Kathir. 2000. *Tafsir Al-Qur'an Al-Azim*. Giza: Maktabah Awlad Al-Shaykh Li Al-Turath.
- Ibn Kathir, Abi Al-Fida' Isma'il bin 'Umar. 1985. *Al-Fusul Fi Sirah Al-Rasul SAW*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). *Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) 2014*. Kuala Lumpur: Bahagian Kependudukan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).
- Mat Saad Abdul Rahman. 1993. *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam: Hizbi.
- McKeown, K., Pratschke, J., & Haase, T. 2003. *Family Well-Being : What Makes a Difference? Study Based on a Representative Sample of Parents & Children in Ireland*. Report to The Ceifin Centre: Insights and Initiatives for a Changing Society, Town Hall, Shannon, County Clare.
- Muhammad Al-Raziyy. t.t. *Tafsir Al-Fakhr Al-Raziyy*. t.tp: Dar Al-Fikr.
- Muhammad Maajuz. 1986. *Ahkam Al-Usrah Fi Al-Shari'ah Islamiyyah*. Casablanca: Matba'ah Al-Najah Al-Jadidah.
- Muhammad Mahmud Shafi'iyy. 1998. *Al-Tanbih Fi Fiqh Al-Shafi'iyy*, (Ter)Hafid Abdullah. M.A Semarang: CV, Al-Shifa.
- Muhammad 'Uqlah. 1983. *Nizam Al-Usrah Fi Al-Islam*. 'Amman: Matba'ah Al-Sharq Wa Maktabatiha, Jil. 1.
- Mustafa Al-Khin, Dr., et.al. 1992. *Fiqh Al-Manhajiy 'Ala Madhhab Al-Imam Al-Shafi'iyy*. Damshiq: Dar Al-Qalam. Jil. 3, Cet. 2.
- Al-Nawawiyy, Muhyi Al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharf. 2005. *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*. Bayrut: Dar Al-Fikr. Jil. 17.
- Al-Nawawiyy, Imam Abi Zakariyya Yahya bin Sharaf. 2012. *Minhaj Al-Talibin Wa 'Umdah Al-Muftin*. Bayrut: Dar Al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sayyid Sabiq. 1365H. *Fiqh Al-Sunnah*. Jeddah: Maktabah Al-Khadamat Al-Hadithah. Jil. 2.
- Al-Shafi'iyy, Muhammad b. Idris. 1970. *Al-Umm*. Bayrut: Dar Al-Fikr. Jil. 8.
- Al-Shanqitiyy. t.t. *Adwa'u Al-Bayan Fi Idah Al-Qur'an Bi Al-Qur'an*. Bayrut: 'Alam Al-Kutub. Jil.

1.

Al-Sharbiniyy. t.t. *Mughniyy Al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'aniyy Alfaz Al-Minhaj*. Bayrut: Dar Al-Fikr. Jil. 3.

Shaykh Muhammad Ahmad Kan'an. 1984. *Al-Qur'an Al-Karim Mawahib Al-Jalil Min Tafsir Al-Baidawiyy*. Bayrut : Dar Al-Lubnan.

Shihab, Muhammad Quraish. 2012. *Al-Lubab*. Tangerang, Lentera Hati.

'Umar 'Abdullah. 1965. *Ahkam Al-Shari'ah Al-Islamiyyah Fi Al-Ahwal Al-Shakhsiyyah*. Qahirah: Dar Al-Ma'rif.

Wahbah Al-Zuhayliyy. 1998. *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-'Aqidah Wa Al-Shari'ah Wa Al-Manhaj*. Damaskus: Dar Al-Fikr. Jil. 11, 21 & 22.

### **Jurnal**

Johnson ED. 1998. *The Effect Of Family Functioning And Family Sense Of Competence On People With Mental Illness*. Family Relations, 47, h. 443-451.

Ortega, Adriana & Abdullah, Haslinda & Roslan, Samsilah. 2014. *The Emerging Commuter Families And Changes In Psychosocial And Health Behaviour Profile*. Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 22 (4). h. 1021-1032.

### **Akta**

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di bawah Seksyen 59 (1)

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di bawah Seksyen 128

Akta (303) Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di bawah Seksyen 59

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di bawah Seksyen 73(1)

### **Internet**

Berita Harian, 29 Jun 2019, Pasangan 'Keluarga Komuter' Hidup Dalam Kemurungan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/579355/pasangan-keluarga-komuter-hidup-dalam-kemurungan> (diakses pada 9 September 2021).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*